

SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2014

04/05/2014

DATARAN MERDEKA, KUALA LUMPUR

Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Yang Berusaha Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

YB Datuk Halimah binti Mohd Sadique

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Amat Setia Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Dif-dif jemputan, Ketua-ketua Jabatan, Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

Terlebih dahulu saya mengucapkan Tahniah kepada seluruh warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang berada di sini pada pagi ini dan juga yang sedang bertugas di seluruh Negara, sempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia yang disambut setiap tahun pada 4 Mei oleh warga Bomba di seluruh dunia. Saya difahamkan bahawa, Hari Anggota Bomba Sedunia ini, bukan sahaja disambut oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tetapi juga turut diraikan oleh Pasukan Bomba Sukarela, Pasukan Bomba Lapangan Terbang, Pasukan Bomba Pelabuhan, Emergency Response Team (ERT) di institusi-institusi dan di kilang-kilang perindustrian,

serta semua yang terlibat dalam bidang kecemasan dan pengurusan bencana di seluruh dunia. Pada hemat saya, natijah dari sambutan ini, bukanlah sekadar untuk mengadakan perbarisan dan mendengar ucapan, tetapi yang lebih penting ialah, untuk menyebarkan mesej kesedaran khususnya tentang keselamatan, kepada seluruh lapisan masyarakat. Walaupun pepatah ada menyatakan “Malang Tidak Berbau”, tetapi sekiranya kita mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap aspek keselamatan, serta diikuti dengan perancangan yang rapi bagi mengelakkannya, Insya Allah, bencana dan kemalangan boleh dielakkan.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah juga kepada seluruh warga bomba di atas jasa dan sumbangan Tuan-tuan dan Puan-puan kepada Negara amnya dan kepada mangsa-mangsa kemalangan khususnya, selama ini. Saban hari di dada-dada akhbar dan di media elektronik, kita mendapati pelbagai kejadian kecemasan, sama ada kemalangan jalanraya, kemalangan di tempat kerja mahupun kebakaran. Dalam kejadian-kejadian seperti ini, sudah tentulah anggota Bomba, yang terlebih dahulu sampai di tempat kecemasan, sebaik sahaja menerima panggilan. Dengan kemahiran dan kepakaran yang mereka ada, mereka dilihat berusaha sedaya upaya, bagi menyelamatkan mangsa, tanpa memikirkan keselamatan diri masing-masing. Sememangnya, tuan-tuan dan puan-puan adalah wira-wira yang sebenar kepada mangsa-mangsa kemalangan berkenaan. Oleh yang demikian, Hari Anggota Bomba Sedunia yang disambut pada hari ini, merupakan suatu pengiktirafan besar rakyat dan Negara, di atas sumbangan jasa dan bakti yang dicurahkan oleh setiap warga bomba kepada rakyat dan Negara. Saya berharap, sambutan Hari Anggota Bomba pada kali ini akan memberi suntikan semangat yang lebih tinggi lagi kepada seluruh warga JBPM dan seluruh Warga Bomba yang lain, untuk mencurahkan bakti dengan lebih cekal dan penuh dedikasi lagi kepada rakyat, khususnya mereka yang ditimpa kecemasan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada penghujung tahun lepas dan pada awal tahun ini, Negara telah diuji dengan dua kejadian bencana alam yang besar, iaitu, yang pertama ialah, kejadian banjir yang melanda daerah Kuantan dan Kemaman, mengakibatkan

lebih 50,000 rakyat dipindahkan. Kejadian yang kedua ialah, kemarau panjang bermula sebaik sahaja kejadian banjir berakhir, iaitu dari bulan Januari hinggalah Mac tahun ini sehingga menyebabkan berlakunya catuan air di sana sini, dan kejadian kebakaran hutan yang tinggi sehingga menyebabkan jerebu yang agak serius di beberapa kawasan di Negara ini. Kedua-dua kejadian bencana alam ini, telah banyak menguji kesiapsiagaan Negara dalam menghadapi bencana. Saya sendiri berkesempatan, untuk meninjau persiapan dan tindakan bantuan, yang telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi bantuan, termasuk oleh Pasukan Bomba. Secara peribadi, saya amat kagum dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh setiap agensi bantuan. Namun, dari sudut yang lain, pada pengamatan saya, Negara kita perlu mempunyai persiapan dan perancangan yang lebih rapi, untuk menghadapi bencana di masa hadapan, khususnya bencana yang berskala lebih besar. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua agensi dan pasukan yang terlibat dalam pengurusan bencana supaya melihat semula dan menyemak Standard Operating Procedure (SOP) masing-masing dan jika perlu ditingkatkan lagi keupayaan mekanisme dan logistik, bagi menghadapi bencana pada skala yang lebih besar di masa hadapan. Agensi-agensi bantuan bencana juga perlu mengadakan lebih kerap latihan bersama, bagi menguji SOP dan logistik masing-masing, supaya satu tindakan yang lebih bersepadu dan teratur, dapat digembeling apabila bencana benar-benar berlaku. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin kepada kebajikan rakyat, tidak ada masa yang lebih sesuai untuk kita membantu rakyat, selain dari semasa mereka ditimpa musibah seperti banjir, kemarau dan sebagainya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagai sebuah Negara yang bergerak pantas menjadi Negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, rakyat Negara ini perlulah mempunyai sikap yang sama dengan sikap rakyat, di Negara-negara maju, dalam segala aspek, baik dari segi kebersihan, kesopanan di jalan raya termasuk kepekaan dalam aspek keselamatan. Saya berkata demikian, kerana saya perhatikan, banyak kejadian kecemasan yang berlaku di Negara ini, berpunca dari sikap sambil lewa masyarakat kita dalam aspek keselamatan. Misalnya, angka kemalangan di jalanraya di Negara kita, sebagaimana yang direkodkan pada tahun lepas iaitu sebanyak 477,204 kejadian dengan

melibatkan 6,308 kematian, adalah suatu angka yang amat tinggi berbanding dengan kebanyakan Negara-negara maju. Walaupun pelbagai ikhtiar telah kita lakukan, tetapi sekiranya rakyat mengambil sikap kurang peka dan tidak peduli, maka amat sukarlah bagi kita untuk mengurangkannya.

Sikap tidak peduli ini juga, boleh dilihat dalam aspek keselamatan kebakaran. Setiap tahun Negara mengalami kerugian kira-kira RM1 bilion akibat kebakaran. Ini merupakan satu angka yang amat besar. Kalau kita boleh mengurangkan 50% daripada kerugian ini, RM500 juta dapat kita selamatkan. Banyak yang boleh kita gunakan dengan wang sebanyak itu. Itu baru dikira direct loss akibat kebakaran. Kita belum lagi mengira indirect loss. Sebenarnya kerugian akibat kebakaran dari segi ekonomi jauh melebihi nilai RM1 bilion yang saya sebutkan sebentar tadi. Misalnya apabila sebuah kilang terbakar, kita bukan sahaja kerugian dari segi kerosakan akibat kebakaran, tetapi yang lebih teruk ialah kerugian kerana perniagaan terpaksa ditutup untuk jangkamasa yang panjang sementara menunggu pembinaan semula dilakukan, kita akan kehilangan persaingan dan pelanggan kerana gagal memenuhi permintaan, para pekerja akan hilang pekerjaan dan pendapatan. Apakah nasib yang akan dihadapi oleh keluarga pekerja berkenaan? Dan seperti yang kita sedia maklum, kebakaran juga mengakibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa serta tuntutan gantirugi yang berpanjangan. Apa yang dikesalkan ialah walaupun peringatan demi peringatan telah diberikan, kita dapati perkara ini terus berlaku saban tahun. Oleh itu saya amat berharap, dalam kita menuju wawasan menjadi sebuah Negara maju berpendapatan tinggi, kita juga perlu mempunyai sikap yang betul dalam aspek keselamatan. Semua pihak perlu mengambil langkah sewajarnya bagi mengurangkan kemalangan baik di jalanraya, di tempat kerja mahupun di rumah kita sendiri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya mendapati Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat prihatin tentang kebajikan anggota-anggota bomba. Oleh kerana sumber-sumber kewangan agak terhad, maka pengwujudan jawatan-jawatan tetap anggota bomba juga agak terkesan. Walau bagaimanapun, ada cara lain pihak Bomba masih boleh beroperasi dan

mencapai keberhasilan yang tinggi. Dalam hal ini, KPKT menggalakkan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela Berdaftar (PBSB) di kawasan-kawasan luar bandar, pendalaman dan terpencil sebagai persediaan memberi bantuan sekiranya berlaku kebakaran atau bencana sebelum tibanya pasukan Bomba dan Penyelamat. PBSB merupakan first responder semasa berlaku insiden kebakaran dan pasukan ini diberi bantuan asas kebombaannya. Sehingga tahun 2013, sebanyak 307 PBSB dengan keanggotaan seramai 13,992 orang aktif memberi perkhidmatan secara sukarela di seluruh Negara. Sebagai tanda keprihatinan Kerajaan terhadap tugas-tugas Pasukan Bomba Sukarela, bermula pada tahun 2013, Kerajaan telah bersetuju dengan pemberian Skim Perlindungan Insuran Berkelompok kepada ahli PBSB dengan perbelanjaan sebanyak RM2.4 juta setahun. Pada masa yang sama, anggota tetap Bomba juga turut menerima insentif insuran kelompok yang ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Skim insuran khas ini hanya turut dinikmati oleh dua pasukan keselamatan yang lain iaitu pasukan polis dan angkatan tentera. Ini juga satu lagi pengiktirafan kerajaan kepada jasa dan sumbangan pasukan Bomba di Negara ini.

Pada masa ini, response time 10 minit yang disasarkan oleh JBPM bagi kawasan berisiko tinggi dan sederhana, masih kurang memuaskan pencapaiannya, iaitu lebih kurang 50% sahaja berbanding pencapaian 80% di negara-negara maju. Faktor yang menyebabkan sedemikian ialah taburan Balai Bomba dan bilangan anggota Bomba yang tidak setara dengan keluasan kawasan berisiko yang perlu dilindungi. Bagi mengatasi masalah ini, dengan mencontohi strategi yang diambil oleh negara-negara maju seperti United Kingdom, Australia dan Jepun, Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan Pegawai Bomba Bantuan yang akan dibayar elaun sepertimana yang dinikmati oleh pasukan-pasukan bantuan sedia ada di Negara ini seperti Polis Bantuan, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Askar Wataniah. Saya difahamkan, hari ini merupakan detik bermulanya pelancaran penubuhan Pegawai Bomba Bantuan (PBB) di Negara ini. Maka dengan itu orang ramai adalah diseru untuk mendaftarkan diri bagi menyertai pasukan ini. Pihak JBPM akan untuk memberi latihan secukupnya kepada anggota PBB untuk membantu mereka menjalankan tugas memadam kebakaran dan menyelamatkan dengan cekap serta berkesan bersama-sama

dengan pasukan Bomba sepenuh masa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan selamat menyambut Hari Anggota Bomba kepada seluruh warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim, saya dengan ini melancarkan Sambutan Hari Bomba Sedunia Tahun 2014. Selamat Berjaya!

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh